

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

UiTM Perkukuh Usaha Konservasi Sungai dan Habitat Labi-Labi Bersama Industri dan Komuniti

SINERGI

14/11/2025 / MAS AIYU JAMALUDIN



KG. GOL, JERANTUT, PAHANG, 1 November 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Pengajian Pengurusan Taman dan Ameniti, Fakulti Alam Bina (FAB) telah menganjurkan **Program “Guardians of the River: UiTM–IJMC Sdn. Bhd. (Bandar Rimbau) Softshell Turtle Community-Based Conservation Initiative”** di Kampung Gol, Jerantut. Program ini menggabungkan kerjasama strategik antara UiTM, IJM Construction Sdn. Bhd. (Bandar Rimbau), Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia dan komuniti setempat bagi memelihara kelestarian sungai serta habitat air tawar.

Inisiatif ini memberi fokus kepada pemuliharaan spesies labi-labi (softshell turtle) iaitu *Pelochelys cantorii* (Resing) dan *Chitra chitra* (Labi Bintang) yang tersenarai sebagai ‘Critically Endangered’ dalam Senarai Merah IUCN. Program turut disokong oleh Pusat Pembangunan Komuniti Lestari (SCDC) di bawah Pejabat ICAN UiTM, bagi memperkasa penglibatan komuniti dan mahasiswa dalam aktiviti berimpak sosial.





Majlis perasmian disempurnakan oleh **Profesor Ts. Dr. Hajah Emma Marinie Ahmad Zawawi**, Dekan FAB UiTM, bersama wakil IJM Construction, PERHILITAN dan pemimpin komuniti. Dalam majlis ini, IJM Construction Sdn. Bhd. (Bandar Rimbau) menyumbang **RM30,000** kepada UiTM bagi menyokong penyelidikan, pembangunan pusat penetasan, pemantauan habitat dan pendidikan komuniti.

Program turut menampilkan pelancaran buku konservasi, lawatan tapak, penanaman pokok, eksplorasi sungai serta pelepasan anak labi-labi ke habitat semula jadi sebagai simbol usaha kelestarian jangka panjang. Dekan FAB menegaskan bahawa inisiatif ini selaras dengan agenda **‘Universiti untuk Masyarakat’** dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), khususnya SDG 14 (Kehidupan di Bawah Air) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat).

UiTM berharap program ini menjadi platform berterusan untuk menghubungkan universiti, industri dan komuniti dalam memelihara biodiversiti, sekali gus melahirkan generasi yang peka terhadap kelestarian alam sekitar.

Ditulis oleh: Mas Aiyu Jamaludin, Fakulti Alam Bina



Tags: [Fakulti Alam Bina \(FAB\)](#), [IJM Construction](#),
[Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara \(PERHILITAN\)](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Hortech Alumni Insights Series 2:
Inspirasi Kerjaya Alumni FPA UiTM
Cawangan Perlis

FSK UiTM Jalin Kerjasama Strategik
Dengan Universiti 'Aisyiyah dan
Airlangga

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

